



23 Oktober 2009 (Jumaat)

UiTM raih dua anugerah dan lapan pingat BIS di London

SHAH ALAM 23 Okt. - Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih dua anugerah dan lapan pingat termasuk dua pingat emas pada pertandingan British Invention Show (BIS) di London baru-baru ini. Penolong Naib Canselor Jabatan Komunikasi Korporat UiTM, Dr. Ahmad Ridzwan Abd. Rahman berkata, kedua-dua anugerah iaitu Anugerah Berlian Untuk Ciptaan Terbaik Antarabangsa dan Anugerah Ciptaan Terbaik dari Salon Archimedes (Rusia) dimenangi oleh Amalina Amir, seorang pensyarah muda dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Menurutnya, Amalina yang mempertaruhkan ciptaan bertajuk *Environmental Friendly Metal Injection Moulding Process for Precision Metal Components* menggunakan bahan yang boleh dikitar semula turut meraih satu pingat emas untuk ciptaan terbaik. "Ciptaan menggunakan bahan plastik biopolimer ini boleh menghasilkan komponen komposit keluli berbentuk tepat dan kompleks yang bernilai tinggi untuk dikomersialkan bagi produk seperti barang kemas, rangka cermin mata, jam tangan, peralatan sukan dan peralatan perubatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ujarnya, pingat emas kedua pula dimenangi oleh Mohd. Zainizan Shahdan, 25, pelajar doktor falsafah Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan ciptaan bertajuk *Nanowire Synthesis Method Using Low Cost Blocker in Catalytic Thermal CVD* di mana penghadang gas dicipta untuk menghalang laluan gas di dalam ketuhar system CVD. "Penghadang gas ini menghasilkan pengendalian laluan gas yang lebih baik untuk penyebaran UV yang lebih kuat dan ciptaan ini sesuai untuk peralatan yang menghasilkan cahaya seperti diod laser," jelasnya.

Tambahnya, tiga pingat perak masing-masing dimenangi oleh Azizah Hanom Ahmad dengan ciptaan bahan penyalut dari silikon dan damar pokok, Khudzir Ismail menerusi ciptaan *Water-tetralin Co-solvent System for Coal Liquefaction* dan Zukifli Abdul Rashid pula mengetengahkan perisian Pengurusan Bahan Buangan. Tiga lagi pingat perak, katanya, dimenangi Nor Hayati Abdul Hamid (dinding *pre-cast hollow core*) bagi menangani gempa bumi, Ahmad Faizar Jaafar (mesin *Self-Charging* untuk perpustakaan) dan Mohd. Haris Kamarudin dengan panel penebat dinding dari kulit telur.

24 Oktober 2009 (Sabtu)

Laporan KAN Tahun 2008

Hospital Pekan bukan lagi 'projek sakit'

PEKAN 24 Okt. - Masalah ketidakcekapan pengurusan dan pembinaan Hospital Pekan di sini yang dilaporkan dalam Laporan Audit 2008 telah diatasi sepenuhnya sejak setahun lalu, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai. Sehubungan itu, tegasnya, projek pembinaan Hospital Pekan bukan lagi dikategorikan sebagai 'projek sakit' sebagaimana yang didakwa sesetengah pihak. Menurut beliau, laporan tersebut merupakan masalah pembinaan yang dialami pada 2003 tetapi kini ia telah diatasi selepas kontraktor baru mengambil alih projek tersebut. "Hospital itu telah beroperasi sejak setahun lalu dan laporan audit itu adalah laporan mengenai kelewatan yang berlaku pada 2003," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri istiadat pengurniaan darjah-darjah kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Pahang Ke-79 di Istana Abu Bakar di sini hari ini. Beliau mengulas Laporan Audit 2008 yang mendapati pelaksanaan projek pembangunan Hospital Pekan menghadapi banyak masalah disebabkan ketidakcekapan dan kecuaian pihak yang mengurus serta memantau pembinaan hospital tersebut termasuk dari segi alat kelengkapan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, projek tersebut kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada kerajaan malah kepada orang awam berikutan kemudahan yang disediakan tidak dapat dimanfaatkan. Kata beliau, antara kelemahannya ialah masih ada kerja yang belum disiapkan sepenuhnya dan peralatan tidak dibekalkan dengan sempurna oleh pihak pemaju sedangkan Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan.

Mengulas lanjut, Tiong Lai memberitahu, pihaknya sedang memantau kualiti pembinaan dan pengurusan Hospital Pekan dari semasa ke semasa supaya tidak timbul sebarang masalah pada masa akan datang. Menurutnya, kelewatan pembinaan hospital tersebut berpunca daripada kegagalan kontraktor asalnya meneruskan projek berkenaan. "Projek ini sepatutnya siap dalam tempoh tiga tahun tetapi terpaksa dilewatkan sehingga enam tahun," jelasnya.

Mengulas Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, Tiong Lai berkata, rakyat akan mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik apabila kerajaan membina 50 klinik kesihatan komuniti 1Malaysia bermula tahun hadapan. Katanya, klinik tersebut akan beroperasi selama 12 jam bermula pukul 10 pagi setiap hari. "Rakyat akan mendapat lebih kemudahan apabila klinik kesihatan komuniti 1Malaysia ini dibina di kawasan yang dekat dengan kawasan perumahan," katanya.

24 Oktober 2009 (Sabtu)

Enggan membayar denda RM33 juta

Oleh ZAMZURINA AHMAD utusanpahang@utusan.com.my

PEKAN 24 Okt. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kehilangan pendapatan tahunan kira-kira RM33 juta apabila nelayan-nelayan asing dan tempatan yang dikenakan kompaun memilih untuk dipenjarakan daripada membayar denda. Ketua Penguat Kuasa APMM Wilayah Timur, Laksamana Pertama Maritim Datuk Ismail Hamzah berkata, berdasarkan rekod, pihaknya mampu mengutip hasil kompaun sebanyak RM33 juta yang dikenakan ke atas 123 buah bot dan nelayan asing yang ditahan atas pelbagai kesalahan. "Bagaimanapun, kesemua nelayan yang ditahan terutama di bawah Akta Perikanan 1985 memilih untuk dipenjarakan daripada membayar denda. "Setakat ini, APMM di Pahang, Terengganu dan Kelantan hanya mengutip hasil kira-kira RM500,000 hasil lelongan bot-bot nelayan yang dirampas," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan papan tanda Projek Jiwa Murni APMM di Tanjung Agas di sini hari ini.

Dalam Projek Jiwa Murni anjuran APPM itu, kira-kira 30 anggota dan 70 penduduk kampung bergotong-royong mengecat dan membersihkan persekitaran kampung, balai raya dan masjid. Menurut Ismail, sehingga kini APMM berjaya menahan kira-kira 4,000 buah bot nelayan asing dan tempatan atas pelbagai kesalahan dan kebanyakan kes masih dalam siasatan. "Tangkapan itu meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2007 dan 2008 yang mencatatkan sebanyak 859 kes dan 1,000 kes bot nelayan asing dan tempatan ditahan," katanya.

Tambahnya, selain menahan bot-bot nelayan asing yang mencero boh perairan negara, APMM turut memantau kes-kes penyeludupan. Dalam pada itu, katanya, nelayan tempatan yang berhadapan dengan ancaman nelayan asing boleh menghubungi talian khas APMM iaitu 09-5738957 atau 09-3783390.

25 Oktober 2009 (Ahad)

Tiada monopoli tender projek luar bandar


KOTA KINABALU 25 Okt. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan memastikan tidak berlaku monopoli tender projek luar bandar yang dirancang untuk dilaksanakan tahun depan. Menteri, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, sebaliknya kementerian itu akan memberi peluang yang luas kepada semua kontraktor yang layak untuk menyertai pelaksanaan projek kemudahan rakyat itu. "Kita tidak mahu wujud keadaan di mana hanya kontraktor tertentu yang diberikan kontrak untuk projek luar bandar. Kita mahu peluang yang sama juga diberikan kepada kontraktor lain yang layak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri Sabah di sini hari ini. Shafie berkata, namun apa yang lebih penting adalah hasil sesuatu projek itu perlu dapat dinikmati oleh rakyat. Sehubungan itu, katanya, kementeriannya juga menubuhkan jawatankuasa khas bagi meneliti kesesuaian projek luar bandar yang dikemukakan dan hanya meluluskan projek yang memenuhi keperluan rakyat.

26 Oktober 2009 (Isnin)

Strategi baru urus aset

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD DAN ARSHAD KHAN pengarang@utusan.com.my



Muhyiddin Yassin diiringi Ketua Pengarah JKR, Datuk Seri Prof. Dr. Ir. Judin Abdul Karim pada majlis perasmian Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara 2009 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa strategi baru bagi memantapkan pelaksanaan pengurusan aset negara dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, antara inisiatif yang dipertimbangkan untuk memantapkan pelaksanaan itu adalah strategi perolehan baru, perancangan bersepadu dan pembangunan lestari. Beliau berkata, beberapa usaha sedang dipertimbangkan kerajaan bagi mengguna pakai Konsep Pengurusan Aset Secara Menyeluruh itu sebagai kerangka pengurusan strategik. "Beberapa negara maju telah mengguna pakai Konsep Pengurusan Aset Menyeluruh dan Malaysia juga boleh berbuat demikian kerana konsep itu bersifat menyeluruh dan memiliki pendekatan penyelarasan yang mantap," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara 2009 di sini hari ini. Persidangan dua hari itu menghimpunkan pakar-pakar dari sektor korporat dan kerajaan untuk berkongsi maklumat dan pembelajaran bagi membentuk pelaksanaan terbaik dalam urus tadbir pengurusan aset kerajaan pada RMK-10. Menurut Muhyiddin, nilai aset yang dimiliki kerajaan ketika ini terlalu besar jumlahnya dan jika tiada sebarang langkah pengurusan yang berkesan ia akan merugikan negara sendiri. "Nilai aset semasa mungkin beratus-ratus bilion ringgit ketika ini dan satu langkah berkesan perlu diambil bagi menjaga harta negara yang dimiliki rakyat," katanya.

Ujarnya, penggunaan strategi perolehan seperti Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Reka Bentuk Senggara serta perkongsian strategik yang digunakan dalam kerjasama swasta- awam oleh negara-negara maju boleh digunakan sebagai rujukan. Menerusi pendekatan ini katanya, sektor awam boleh menumpukan kepada penyampaian perkhidmatan mereka. "Perancangan bersepadu, juga mampu menjana aktiviti ekonomi sampingan, boleh dipertimbangkan sebagai alternatif dalam mengoptimumkan penggunaan tanah dan perkongsian kemudahan. "Di samping itu, penggunaan teknologi hijau, terutama dalam bidang kecekapan tenaga dan tenaga diperbaharui boleh dimanfaatkan di masa depan," katanya.

Muhyiddin berkata, inisiatif 'Bangunan Hijau' perlu diberi pertimbangan sewajarnya dan ia merupakan amanah dan tanggungjawab bersama untuk generasi akan datang. Beliau menambah, kerajaan sedang mencari jalan bagi mengurangkan perbelanjaan dan memaksimumkan penggunaan kemudahan awam secara berkesan bagi menampung kos operasi dan penyenggaraan melalui konsep penyewaan. "Sebagai contoh, jika satu bangunan itu dimiliki oleh satu agensi kementerian dan tidak digunakan. Ia boleh disewakan dan separuh hasilnya akan diberi kepada pihak agensi dan kementerian bagi senggaraan dan yang selebihnya diberi kepada Kementerian Kewangan," katanya.

26 Oktober 2009 (Isnin)

Laporan Audit: BN tidak pernah kompromi salah guna kuasa

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Pembangkang hari ini dibidas apabila ketuanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh) cuba menggambarkan seolah-olah mereka sahaja yang mengambil berat berhubung penyelewengan yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008.

Sedangkan, **Datuk Seri Abdul Ghafur Saleh (BN-Kalabakan)** berkata, BN juga tidak pernah berkompromi terhadap segala isu yang berkaitan dengan salah guna kuasa. Malah beliau mengingatkan semua ahli Parlimen mengenai jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa kerajaan akan bertindak tegas ke atas mereka yang tidak mengikut peraturan dan undang-undang seperti yang didedahkan dalam laporan tersebut."BN tidak pernah sesekali bersekongkol dan mahu tindakan tegas diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan kuasa seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara 2008," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mencelah semasa Anwar membahaskan Bajet 2010 di Dewan Rakyat hari ini. Perdana Menteri ketika mengulas mengenai laporan itu baru-baru ini, mahu tindakan tegas diambil terhadap pihak yang tidak mengikut peraturan dan undang-undang seperti yang didedahkan dalam laporan berkenaan.

Abdul Ghafur di dalam celahannya turut mengingatkan kepada semua pihak khususnya pembangkang supaya lebih bersikap adil kepada Perdana Menteri ekoran pendedahan yang dibuat oleh laporan itu. "Adalah tidak adil untuk menyalahkan Perdana Menteri kerana beliau baru enam bulan memegang tampuk pemerintahan. "Tambahan pula laporan ini hanya menyentuh mengenai segala perkara yang berlaku sepanjang 2008," katanya.

Sementara itu Anwar berkata, pihaknya mahu kerajaan bertindak tegas ke atas mereka yang terbukti menyalahguna kuasa seperti dinyatakan di dalam laporan tersebut. Katanya, sejak dahulu lagi kerajaan hanya tahu memberi jaminan tetapi tidak pernah mengambil tindakan sewajarnya. "Sebelum ini sudah lima Perdana Menteri telah memberi jaminan untuk mengambil tindakan tetapi masih tidak ada apa-apa," tambahnya.

Baru-baru ini, Laporan Ketua Audit Negara mendedahkan kerajaan mungkin terpaksa menanggung sebahagian besar daripada kerugian berjumlah RM1.14 bilion dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Rawang dan Ipoh. Laporan itu mendapati wujud beberapa kelemahan pihak kontraktor seperti kelewatan, perolehan peralatan dan tren melebihi keperluan atau tidak diselaraskan dengan pembangunan struktur. Dalam laporan lain, Ketua Audit Negara turut mengesan tindakan pembekal alatan kepada badan berkanun Persekutuan pada harga yang 'tidak masuk akal' bagi tahun 2008. Malah Jabatan Audit Negara menemui bukti pembelian minyak petrol sehingga RM300 seliter oleh pihak tertentu di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pulau Pinang.

26 Oktober 2009 (Isnin)

Laporan KAN Tahun 2008

Laporan awal audit diserahkan kepada Pengarah Hutan negeri

KUCHING 26 Okt. - Jabatan Audit Negara menjelaskan bahawa kajian atau audit yang dilakukan berhubung Pengurusan Hutan dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar telah dikemukakan kepada Pengarah Hutan Sarawak. Sehubungan itu, dakwaan kerajaan negeri tidak pernah dimaklumkan mengenai laporan Ketua Juruaudit Negara berhubung kelemahan sistem pengurusan hutan yang dipraktikkan di Sarawak tidak timbul sama sekali.

Pengarah Audit Negeri Sarawak, Khalid Khan Abdullah Khan berkata, bagi kes negeri ini, kajian telah dijalankan melalui rundingan dengan pelbagai pegawai daripada pelbagai jabatan dan agensi seperti Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) dan Jabatan Pengairan dan Saliran. "Sumber maklumat, statistik dan data yang dilaporkan di dalam Laporan Audit diambil daripada laporan dan rekod yang disimpan oleh jabatan dan agensi terbabit," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan tersebut bagi menjelaskan dakwaan Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II Sarawak, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan baru-baru ini yang berkata, Ketua Juruaudit Negara sepatutnya mengadakan perbincangan dan mengambil kira pandangan kerajaan negeri jika ingin mengetahui lebih lanjut sistem pengurusan hutan di negeri ini sebelum mengeluarkan kenyataan. Ini kerana menurut Laporan Ketua Juruaudit Negara 2008, Sarawak antara negeri yang lemah dalam mempraktikkan sistem pengurusan hutan.

Awang Tengah memberitahu, kerajaan negeri tidak pernah dimaklumkan mengenai laporan Ketua Juruaudit Negara berhubung kelemahan sistem pengurusan hutan yang dipraktikkan di Sarawak. Khalid Khan berkata, penemuan awal audit telah disahkan melalui lawatan tapak ke beberapa kawasan yang disertai oleh pegawai dari Jabatan Hutan Sarawak. "Draf Laporan Audit terhadap kajian ini telah dikemukakan kepada Pengarah Hutan Sarawak untuk ulasan dan pengesahan beliau terhadap fakta dan angka sebelum laporan itu dimuktamadkan," tegas beliau.

27 Oktober 2009 (Selasa)

Laporan KAN Tahun 2008

Laporan ketua audit negara pengukur KPI

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Laporan Ketua Audit Negara akan diambil kira dalam mengukur indeks petunjuk prestasi (KPI) setiap kementerian dan jabatan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Penilaian dalam laporan berkenaan boleh digunapakai oleh Unit Penyampaian dan Perkhidmatan Prestasi (Pemandu) untuk membantu kerajaan membuat penilaian dari segi kekurangan yang masih wujud serta punca kelemahan yang hendak diperbetulkan. "Memang masalah yang dicerminkan atau dilaporkan melalui Laporan Ketua Audit Negara juga akan diambil kira sebagai petunjuk untuk membolehkan kita membuat penilaian dari segi kekurangan yang masih wujud. "Pemandu akan juga ambil kira laporan Ketua Audit Negara sebagai satu input atau maklum balas mengenai prestasi kerajaan," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen hari ini. Koh berkata, pemantauan mengenai pencapaian setiap kementerian dan jabatan terbabit akan dilaksanakan sendiri oleh Menteri dan Ketua Setiausaha kementerian berkenaan. - Bernama

28 Oktober 2009 (Rabu)

Laporan KAN Tahun 2008

Laporan Audit 2008 ada asas untuk disiasat

PUTRAJAYA 28 Okt. – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati terdapat beberapa isu yang didedahkan dalam Laporan Audit Negara 2008 melibatkan unsur jenayah dan rasuah yang mempunyai asas untuk disiasat. Mengesahkan perkara itu hari ini, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Abu Kassim Mohamed berkata, pihaknya sedang meneliti laporan tersebut. “Ketika ini satu kumpulan telah ditugaskan untuk menyiasat laporan tersebut, kami belum bersedia mendedahkan pihak atau agensi mana terlibat. “Kami tidak mahu saksi-saksi nanti mendapat bayangan mereka akan disiasat sehingga menyulitkan proses siasatan,” katanya pada sesi taklimat kepada para pengarang media di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Minggu lalu, Laporan Ketua Audit Negara 2008 mendedahkan kerajaan mungkin terpaksa menanggung sebahagian besar daripada kerugian berjumlah RM1.14 bilion dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh. Laporan itu mendapati wujud beberapa kelemahan pihak kontraktor seperti kelewatan, perolehan peralatan dan tren melebihi keperluan atau tidak diselaraskan dengan pembangunan struktur. Dalam laporan lain, Ketua Audit Negara turut mengesan tindakan pembekalan alatan kepada badan berkanun Persekutuan pada harga yang ‘tidak masuk akal’ bagi tahun 2008.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu tindakan tegas diambil terhadap pihak yang tidak mengikut peraturan dan undang-undang seperti yang didedahkan dalam laporan tersebut. Ditanya sama ada Laporan Audit Negara 2008 itu memberi mesej tertentu kepada SPRM, Abu Kassim berkata, laporan berkenaan melibatkan aspek kaedah perbelanjaan dan tatacara kerja penjawat awam.

“Adalah tidak adil setiap kandungan dalam laporan itu memerlukan penglibatan SPRM (untuk menyiasat), ia bergantung kepada ketua jabatan dan semua pegawai (kerajaan) yang kena menanggungnya (bertanggungjawab). “Kerja SPRM hanyalah ‘mengutip’ beberapa isu dan jika terlibat dengan rasuah, ia akan disiasat di bawah Akta Suruhanjaya Rasuah 2009,” katanya.

Mengenai siasatan ke atas pendedahan isu-isu dalam Laporan Audit Negara 2007, Abu Kassim berkata, sebanyak 15 orang telah dituduh melibatkan 94 pertuduhan. “Juga telah dikeluarkan 18 laporan SPRM (tatatertib) dan surat nasihat kepada ketua jabatan. “Sebanyak 45 kertas siasatan pula dalam siasatan lanjutan,” katanya.

28 Oktober 2009 (Rabu)

RM40 juta ubah wajah Terminal 3

SUBANG 28 Okt. - Skypark Subang Sdn. Bhd., melabur RM40 juta bagi menukar wajah Terminal 3 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) kepada terminal penerbangan dan hab gaya hidup untuk pembangunan masa depan di Subang. Pengarah Eksekutif Skypark Subang, Tan Sri Ravindran Menon berkata, inisiatif dan pelan masa depan untuk meletakkan LTSAAS sebagai hab penerbangan utama bermula sekarang dan pelan perancangan akan dipertingkatkan mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Katanya, Skypark Subang bukan sahaja menjadi destinasi penerbangan keluar masuk tetapi juga menjadi pusat perkhidmatan penerbangan persendirian, khususnya untuk jet-jet korporat dan persendirian.

"Pelaburan RM40 juta bakal menjadikan Terminal Skypark Subang bukan semata-mata terminal penerbangan tetapi destinasi untuk pengembara dan komuniti sekeliling selain pelbagai kemudahan telah dinaik taraf bagi keselesaan penumpang di sini," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Skypark Subang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini hari ini. Pembangunan Skypark Subang merangkumi tiga peringkat iaitu pelancaran terminal itu sendiri, pusat penerbangan serantau dan pembangunan terancang di atas tanah seluas 12 hektar bagi kemudahan pembaikan, penyelenggaraan dan pembaikan pesawat.

Menurut Menon, Skypark Subang akan dijadikan sebagai hab penerbangan antarabangsa dan tempatan apabila ia beroperasi sepenuhnya dan merancang untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan untuk beroperasi di situ. Katanya, inisiatif dan pelan masa depan akan meletakkan kedudukan Subang sebagai pusat kecemerlangan dan peneraju untuk industri aeroangkasa dan penerbangan di rantau ini selaras dengan wawasan kerajaan. "Kita akan berusaha untuk membantu kerajaan bagi mempromosikan Subang sebagai alternatif baru untuk syarikat penerbangan asing di rantau ini khususnya yang bertaraf premier dan persendirian," katanya.

29 Oktober 2009 (Khamis)

Laporan KAN Tahun 2008

PAC siasat projek landasan berkembar Rawang-Ipoh

KUALA LUMPUR 29 Okt. – Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) akan meminta Kementerian Pengangkutan memberi penjelasan berhubung peningkatan kos pembinaan landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh sehingga RM1.43 bilion. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, pihaknya perlu menyiasat projek bernilai RM6 bilion itu selepas Laporan Ketua Audit Negara 2008 mendedahkan pengurusan yang lemah menjadi punca kos pembinaan projek itu meningkat. Katanya, kementerian itu antara pihak terawal yang akan dipanggil PAC selain beberapa kontraktor dan syarikat milik kerajaan (GLC) yang terlibat untuk memberi penjelasan mengenai perkara itu.

“Ketua Pengarah Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang memberi penjelasan mengenai laporan audit itu semalam dan kami akan fokus kepada kes besar terutama projek landasan berkembar Rawang-Ipoh. “Kami hendak tahu apa yang sebenarnya berlaku sehingga kos projek boleh meningkat pada tahap itu,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Mengikut Laporan Ketua Audit 2008 yang dikeluarkan sebelum ini, projek landasan berkembar Rawang-Ipoh sepanjang 179 kilometer itu mengalami peningkatan kos sehingga RM1.43 yang disebabkan pengurusan yang lemah. Azmi berkata, PAC juga sedang meneliti beberapa lagi perkara lain berdasarkan kepada Laporan Audit Negara 2008 yang dikeluarkan baru-baru ini. “Ada lagi perkara yang diumumkan Jabatan Audit Negara yang kami sedang tengok dan ada yang pihak polis sedang siasat, itu biar ia dijalankan,” katanya.

Katanya, masalah yang dikesan melalui laporan itu adalah masalah yang sama dan berulang kali berlaku di dalam jabatan dan agensi kerajaan serta kerajaan-kerajaan negeri. “Kami bimbang mengenai perkara ini kerana macam-macam yang kerajaan sudah lakukan tetapi masalahnya sama juga, tidak berubah,” ujarnya.

30 Oktober 2009 (Jumaat)

Laporan KAN Tahun 2008

Laporan audit disiasat

Oleh ZULKIFLI JALIL pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 30 Okt. – Jemaah Menteri hari ini memutuskan supaya satu jawatankuasa petugas ditubuhkan untuk menyiasat unsur penyelewengan dan rasuah yang didedahkan dalam Laporan Audit Negara 2008. Mengumumkan demikian, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan. Ia dianggotai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ketua Audit Negara, Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sambil menekankan bahawa kerajaan begitu serius mahu memperhebatkan budaya prestasi tinggi di kalangan penjawat awam, Perdana Menteri menegaskan, sebarang salah guna kuasa yang berlaku seharusnya tidak terlepas daripada tindakan tegas. “(Mesyuarat) Jemaah Menteri (hari ini) memandang berat Laporan Audit Negara (2008) yang telah pun dibentangkan di Parlimen. “Sayugia dinyatakan kita bukan hendak mencari salah sesiapa tetapi untuk tentukan pihak-pihak yang sengaja melakukan kesalahan secara terang-terangan tidak seharusnya terlepas daripada tindakan tegas.

“Kita nak menjurus pada budaya prestasi tinggi, maknanya penjawat awam yang tunjukkan prestasi cemerlang mendapat ganjaran dan pengiktirafan sebaliknya yang lakukan salah guna kuasa, tindakan pasti diambil,” kata beliau pada sidang akhbar di pejabatnya petang ini. Minggu lalu, Laporan Ketua Audit Negara 2008 mendedahkan kerajaan mungkin terpaksa menanggung sebahagian besar daripada kerugian berjumlah RM1.14 bilion dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh.

Laporan itu mendapati wujud beberapa kelemahan pihak kontraktor seperti kelewatan, perolehan peralatan dan tren melebihi keperluan atau tidak diselaraskan dengan pembangunan struktur. Dalam laporan lain, Ketua Audit Negara turut mengesan tindakan pembekalan alatan kepada badan berkanun Persekutuan pada harga yang ‘tidak masuk akal’ bagi tahun 2008.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam penyelewengan yang didedahkan laporan itu tidak semestinya dari segi undang-undang. “Tetapi tindakan yang wajar, mungkin kena bayar balik, turun pangkat, tahan pangkat atau setidak-tidaknya berpindah ke tempat lain. “Tindakan akan diambil berdasarkan pertimbangan yang adil dan saksama. Ia tidaklah dalam bentuk tindakan yang keras sehingga tidak ada pertimbangan kemanusiaan,” katanya.

Kata Najib, Jemaah Menteri percaya tindakan tegas perlu dilakukan memandangkan Laporan Audit Negara didedahkan setiap tahun, justeru sebarang salah guna kuasa dan penyelewengan tidak seharusnya berulang. Dalam hubungan ini juga, Perdana Menteri berkata, dalam usaha memupuk budaya prestasi tinggi, maka anggota pentadbiran yang menunjukkan prestasi cemerlang akan diumumkan tidak lama lagi. "Ganjarannya kita akan umumkan bila tiba masanya nanti," katanya.

30 Oktober 2009 (Jumaat)

Rencana - Penting 'kecekapan' urus bajet

Oleh MOHAMMAD ISMAIL

BAJET 2010 yang bertemakan '1Malaysia Kemakmuran Bersama' masih hangat lagi diperkatakan baik oleh pakar-pakar ekonomi, ahli-ahli akademik, masyarakat, tidak kurang hebat juga masih hangat dibincangkan di warung-warung kopi. Bajet baru-baru ini dibentangkan tanpa ada gangguan daripada pihak pembangkang. Bagaimanapun *Laporan Ketua Audit Negara 2008* mendahului pembentangan Bajet 2010. Pendedahan tersebut perlu dilihat dari sudut perspektif yang lebih rasional. Ia menuntut kerajaan untuk benar-benar melakukan tindakan yang drastik demi merealisasikan maksud perubahan yang sebenar.

Slogan 1Malaysia tidak hanya dihayati dari sudut rakyat didahulukan tetapi penghayatan pencapaian diutamakan mestilah diterjemahkan melalui kecekapan dan tanggungjawab dalam menguruskan sesebuah jabatan atau organisasi tanpa ada pembaziran yang 'melampau'. Setelah kerajaan berjaya meletakkan rakyat didahulukan dan diakui oleh semua pihak, kini sudah tiba masanya penumpuan perlu diberikan kepada usaha pencapaian diutamakan. Pencapaian bukan hanya diukur dari sudut kejayaan sahaja malah perlu dilihat dari sudut pengurusan agar tidak berlaku pembaziran seperti yang dilaporkan oleh *Laporan Ketua Audit Negara 2008*.

Kita perlu akui kejayaan sesebuah jabatan atau organisasi bergantung kepada kebijaksanaan dan kekuatan seseorang ketua. Jika diumpamakan sebuah kapal yang dikemudikan oleh seorang nakhoda, jika salah arahnya maka kapal tersebut akan bergerak ke haluan yang salah. Jika betul nakhodanya maka kapal tersebut akan bergerak ke haluan yang betul. Jika silap percaturan maka karamlah kapal tersebut, bukan setakat nakhoda (ketua) sahaja yang tenggelam tetapi mereka yang tidak berdosa iaitu anak-anak kapal (rakyat) turut tenggelam. Apa yang lebih malang jika berlaku sebaliknya, nakhoda selamat, anak-anak kapal yang tenggelam.

Sekali lagi kita berdepan dengan masalah integriti. Walaupun kita mempunyai belanjawan yang terbaik tetapi jika sampai di peringkat pelaksanaannya berlaku pembaziran, pembelian yang meragukan, pembinaan yang tidak menepati spesifikasi dan sebagainya maka ia tidak akan merubah keadaan sebaliknya lebih merumitkan keadaan. Permasalahan ini perlu ditangani sebelum bajet yang akan datang dibentangkan pula. Kita perlu menyedari bahawa setiap orang daripada kita memikul tanggungjawab dan amanah yang begitu berat sekali, apatah lagi jika seseorang itu memegang jawatan sebagai pengurus ataupun ketua. Kita perlu menyedari bahawa pembaziran yang berlaku merupakan dana kerajaan dengan lain perkataan 'duit rakyat'. Allah SWT mengingatkan umat manusia agar sentiasa berintegriti dan menjaga setiap rezeki yang diperolehi daripada sumber yang halal. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada rezeki yang baik yang telah kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika betul kamu beribadat kepada-Nya"*. (Surah al-Baqarah; ayat 172).

Selaras dengan pencapaian diutamakan, tanggungjawab ini pastinya harus dipikul oleh Unit Penyampaian dan Perkhidmatan Prestasi (Pemandu) untuk membantu kerajaan mengatasi dan memperbetulkan 'kepincangan' yang berlaku agar tidak berlaku lagi seperti yang terkandung dalam *Laporan Ketua Audit Negara 2008*. Kerajaan perlu memberi perhatian yang serius kepada aspek pengurusan setelah berjaya menyediakan bajet yang disifatkan sebagai mesra rakyat, berjiwa rakyat, bajet rakyat dan sebagainya. Bajet yang begitu hebat hanya tinggal sebagai satu 'sejarah' jika tidak diuruskan dengan baik. Jika kita umpamakan sebagai sebuah pasukan bola sepak, tidak ada gunanya kita mempunyai jurulatih yang hebat, sumber kewangan yang banyak tetapi pemain bermain sambil lewa dan rasuah, akhirnya pasukan gagal menjuarai perlawanan.

Laporan Ketua Audit tersebut perlu disusuli dengan tindakan yang 'sepatutnya' diambil kira dalam Indeks Penilaian Prestasi (KPI) jabatan terbabit selain daripada menjadi satu input atau maklum balas mengenai prestasi kerajaan. Prestasi yang buruk yang ditunjukkan oleh mana-mana jabatan harus diambil kira terutamanya dalam pemberian bonus ataupun imbuhan supaya mereka yang telah melakukan pembaziran tidak menikmati imbuhan tersebut. Masalah pembaziran terutamanya pembaziran sumber kewangan merupakan masalah yang berkaitan dengan individu terutamanya mereka yang terlibat dalam membuat keputusan. Sikap ini perlu diubah dan menjadi tanggungjawab seseorang ketua untuk mengubah, mengawasi, menyelia dan menasihati orang-orang di bawahnya.

Allah SWT telah berfirman Surah Yusuf ayat 55, Nabi Yusuf berkata: *Jadikan saya penjaga perbendaharaan. Sesungguhnya saya pandai menjaga lagi mengerti*. Jika kita menghayati kisah Nabi Yusuf ini, baginda telah menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai menteri ekonomi Mesir dengan begitu efektif sekali, hasilnya kemakmuran negara Mesir mampu dikongsi dengan penduduk negara jiran pada ketika itu. Justeru adalah menjadi tanggungjawab semua terutamanya majikan atau seseorang ketua untuk menguruskan sumber-sumber organisasi terutamanya sumber kewangan tanpa ada pembaziran. Kerana pembaziran yang dilakukan bermakna kita telah 'mengkhianati' rakyat dan menyalahgunakan 'wang rakyat'.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda dalam satu hadis yang bermaksud: *Orang yang paling dirundung penyesalan pada hari akhirat ialah orang yang memperolehi harta dari sumber yang tidak halal lalu menyebabkannya masuk neraka.* (Riwayat Iman Bukhari). Langkah kerajaan memberi penekanan kepada pembentukan modal insan yang berkualiti amat tepat sekali supaya masalah yang berlaku tidak menjadi 'gejala' pada masa depan. Namun tindakan sewajarnya perlu dilakukan segera untuk memastikan keyakinan rakyat yang semakin bersinar tidak terhakis. Tumpuan perlu diberikan kepada aspek pengurusan supaya yang diamanahkan menjalankan tanggungjawab menguruskan 'wang rakyat' dengan cekap dan berkesan.

Integriti dan akauntabiliti bukan sahaja perlu ada dalam diri setiap ketua tetapi termasuk semua pekerja dalam sesebuah organisasi. Kita perlu menjaga setiap tanggungjawab yang diamanahkan kerana kita akan dipersoalkan tentang tanggungjawab kita ke atas harta dan anak-anak kita manakala setiap ketua/majikan pula akan ditanya tentang tanggungjawab mereka ke atas organisasi dan pekerja-pekerja mereka. Para pekerja juga tidak akan terlepas akan ditanya tentang tanggungjawab mereka terhadap pekerjaan dan majikan mereka. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *Pada hari ini Kami tutup mulut mereka, dan Kami berbicara dengan tangan mereka dan menjadi saksi kaki mereka, tentang apa-apa yang telah mereka kerjakan.* (Surah Yasin, ayat 65)

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM).